

26/05/1999

Telekomunikasi: Wujudkan masyarakat bermaklumat

Husain Jahit

TEKNOLOGI wayarles mempunyai potensi sebagai inovasi yang mampu memenuhi keperluan penyediaan perkhidmatan maklumat dalam suasana pasaran yang berkembang pesat pada hari ini.

Ia juga dilihat sebagai penggerak utama dalam arena telekomunikasi masa kini yang dijangka mampu menjadi laluan utama pemindahan data, dalam usaha negara mewujudkan Masyarakat Bermaklumat.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, teknologi wayarles dan Internet adalah penyatuan pertumbuhan pesat pasaran dengan pembangunan teknologi dalam industri telekomunikasi.

"Kita tidak boleh terus membezakan antara telekomunikasi, komputer dan penyiaran. Penyatuan itu turut membabitkan gabungan antara teknologi analog kepada teknologi digital dan semuanya akan membawa era baru dalam segmen capaian, pemprosesan dan penyebaran maklumat seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata, kesan penyatuan itu juga akan menyaksikan pertumbuhan pesat dalam produk telekomunikasi, komputer dan penyiaran dalam penyebaran maklumat untuk menyediakan perkhidmatan audio visual dan multimedia dalam pelbagai bentuk.

Tambahnya, penyepaduan perkhidmatan adalah pemikiran strategik masa depan yang membabitkan pelbagai perkhidmatan termasuk telefon tetap, hiburan TV, capaian ke Internet atau telefon mudah alih.

"Ini kerana, pelanggan kian mahukan perkhidmatan yang menyeluruh daripada pembekal perkhidmatan tunggal. Secara logiknya, kenapa telefon, TV, data, Internet dan lain-lainnya tidak datang dari satu sumber sedangkan ianya datang dengan asas yang sama," soalnya ketika merasmikan Simposium/Pameran Telekomunikasi dan Wayarles Antarabangsa 1999 anjuran Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Institut Teknologi Mara (ITM) dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Penyedia perkhidmatan telekomunikasi sebenarnya sentiasa mempertahankan rangkaian telekomunikasi secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan pelanggan seluruh dunia.

"Oleh itu, mereka sedar bahawa rangkaian telekomunikasi global adalah lebih produktif dan menguntungkan di samping mewujudkan daya saing," katanya.

Bagi negara membangun seperti Malaysia, katanya, telekomunikasi memainkan peranan utama. Kerajaan Malaysia mengiktiraf setiap pembangunan industri perkhidmatan telekomunikasi diletakkan di bawah kawalan usahawan tempatan.

Itu kerana industri telekomunikasi tempatan mampu memainkan peranan utama dalam usaha membantu kerajaan mewujudkan masyarakat bermaklumat.

Selain itu, Malaysia juga mempunyai prospek dan berpeluang menjadi hub utama bagi perkhidmatan telekomunikasi dan multimedia.

Berikutan itu, tambahannya, prospek dalam pertumbuhan ekonomi dan perkembangan negara kita adalah bergantung kepada kemampuan kita menggunakan teknologi telekomunikasi, sekali gus memperbaiki kapasiti dalam setiap bidang iaitu perniagaan, industri dan kehidupan seharian.

(END)